



SOALAN LAZIM (FAQ) SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2025

A. PENGENALAN

1. **S: Bilakah Permohonan STR 2025 akan dibuka?**

J: Permohonan STR 2025 dibuka sepanjang tahun mulai 19 Oktober 2024

2. **S: Bagaimanakah kaedah permohonan STR 2025?**

Kaedah permohonan STR adalah seperti berikut:

J: a. **Permohonan Secara Dalam Talian**

i. Portal Rasmi STR, <https://bantuantunai.hasil.gov.my>;

b. **Permohonan Melalui Borang Kertas**

Borang Permohonan STR (BK-01) boleh didapati secara percuma di:

i. Portal Rasmi STR ; atau

ii. Pejabat LHDNM / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM

3. **S: Di manakah saya boleh menghantar Borang Permohonan STR yang telah lengkap diisi berserta dokumen sokongan berkaitan?**

J: Borang STR 2025 yang telah lengkap diisi berserta dokumen sokongan berkaitan boleh:

a. Diserahkan ke Pejabat LHDNM / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM

Penghantaran borang **secara e-mel** adalah tidak diterima.

4. **S: Apakah kategori permohonan yang dibuka sepanjang tempoh permohonan STR 2025?**

J: Berikut adalah kategori permohonan yang dibuka sepanjang tempoh permohonan STR 2025:

a. Pemohonan Baharu;

b. Kemas Kini Permohonan;

c. Permohonan Rayuan / Rayuan Tambahan; dan

d. Perubahan Maklumat Asas Permohonan

5. S: Bagaimanakah semakan kelayakan permohonan STR 2025 dibuat?

J: Semakan kelayakan dibuat secara berfasa dan semakan bagi kelayakan fasa 1 STR 2025 akan dibuat kepada permohonan yang diterima sehingga **30 November jam 5.00 petang**. Permohonan yang dibuat selepas tarikh dan jam berikut akan diproses bagi kelayakan fasa seterusnya.

B. PERMOHONAN BAHARU

6. S: Siapakah yang perlu membuat Permohonan Baharu STR 2025?

J: Pemohon yang perlu membuat **Permohonan Baharu** STR 2025 adalah seperti berikut:

- a. Pemohon yang tiada rekod dalam sistem STR 2024; serta
- b. Berpendapatan isi rumah RM5,000 dan ke bawah; atau
- c. Berpendapatan RM2,500 dan ke bawah untuk individu bujang / tiada pasangan / tiada anak yang menepati syarat kelayakan.

7. S: Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan STR?

J: Salinan dokumen sokongan pemohon / pasangan / anak (jika berkaitan) yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

a. Pemohon:

- i. Salinan Sijil Perkahwinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- ii. Salinan Sijil Kematian pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; atau
- iii. Sijil Perceraian / Pembubaran Perkahwinan (asal dan salinan) yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- iv. Salinan Sijil Dekri Nisi / Dekri Nisi Mutlak yang dikeluarkan oleh Mahkamah; atau
- v. Salinan Kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pemohon berumur 19 - 20 tahun pada tahun 2025

b. Pasangan:

- i. Salinan Pasport / Visa / UNHCR / Pas Sempadan

c. Anak:

- i. Anak Kandung
 - Salinan Sijil Lahir; dan
 - Salinan MyKad / MyKid
- ii. Anak Angkat
 - Salinan MyKad / MyKid; dan
 - Salinan Sijil Daftar Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN

Borang Serahan Dokumen Sokongan STR (BK-04) perlu dilengkapkan dan diserahkan semasa mengemukakan dokumen sokongan berkenaan ke Pejabat LHDNM **ATAU** boleh memuat naik ke sistem STR semasa permohonan secara dalam talian.

8. **S: Saya hanya mempunyai Kad Pengenalan Lama dan tidak memperbaharunya lagi. Adakah saya boleh membuat permohonan STR?**
- J: Anda perlu merujuk Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mendapatkan MyKad kerana Permohonan STR mewajibkan penggunaan MyKad sahaja. Permohonan STR hanya boleh dilakukan setelah anda mempunyai MyKad.
9. **S: Saya berumur 20 tahun pada tahun 2024, adakah saya layak memohon STR 2025 mulai 19 Oktober 2024?**
- J: Ya. Anda layak membuat Permohonan STR 2025 bagi Kategori Bujang mulai 19 Oktober 2024 kerana anda menepati syarat umur 21 tahun pada tahun 2025.
10. **S: Saya bujang berumur 18 tahun pada tahun 2024 dan merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), adakah saya layak memohon STR 2025 bagi kategori Bujang mulai 19 Oktober 2024?**
- J: Ya. Anda layak membuat Permohonan STR 2025 bagi Kategori Bujang mulai 19 Oktober 2024 kerana anda menepati syarat umur 19 tahun pada tahun 2025.
11. **S: Saya merupakan pemohon bagi kategori bujang yang berumur 59 tahun pada tahun 2024 dan telah membuat permohonan baharu / kemas kini pada pada bulan Oktober. Adakah permohonan saya akan dikategorikan sebagai permohonan Warga Emas Tiada Pasangan?**
- J: Ya. Permohonan anda akan dikategorikan sebagai permohonan Warga Emas Tiada Pasangan kerana anda menepati syarat umur 60 tahun pada tahun 2025.
12. **S: Anak saya berumur 20 tahun pada tahun 2024 dan dikategorikan sebagai OKU kerana mengalami kemalangan pada tahun ini. Bolehkah saya kemas kini maklumat anak saya dalam permohonan STR 2025?**
- J: Anak berkenaan tidak layak untuk didaftarkan sebagai anak / tanggungan di bawah permohonan STR anda. Walau bagaimanapun, anak berkenaan boleh memohon STR bagi kategori Bujang sekiranya berstatus OKU dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
13. **S: Saya bujang berumur 19 tahun pada tahun 2024, adakah saya layak untuk membuat Permohonan STR 2025?**
- J: Tidak. Anda tidak layak untuk membuat Permohonan STR 2024 kerana syarat pemohon bujang mestilah berumur 21 tahun pada tahun 2025. Anda hanya layak untuk membuat Permohonan STR 2025 bagi kategori Bujang jika anda merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
14. **S: Saya berstatus ibu tunggal yang berumur 40 tahun dan mempunyai seorang anak (OKU) berumur 19 tahun bukan pelajar sepenuh masa. Adakah saya boleh memohon STR dengan meletakkan anak saya di permohonan STR saya?**
- J: Tidak. Anda perlu memohon STR di bawah kategori Bujang sebagai Ibu Bapa Tunggal tiada anak / tanggungan. Ini kerana anak berkenaan boleh memohon STR

berasingan bagi kategori Bujang sekiranya berstatus OKU dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

15. S: Saya berstatus ibu tunggal yang berumur 50 tahun dan mempunyai seorang anak (OKU) berumur 21 tahun yang masih belajar sepenuh masa. Adakah saya boleh memohon STR dengan meletakkan anak saya dalam maklumat permohonan STR saya?

J: Anak berkenaan boleh didaftarkan di permohonan STR anda sekiranya menepati syarat kelayakan Anak.

Sekiranya anak berkenaan tidak menepati syarat kelayakan, anda boleh memohon STR di bawah kategori Bujang sebagai ibu / bapa tunggal tiada anak / tanggungan.

16. S: Saya berstatus ibu tunggal yang berumur 40 tahun dan mempunyai seorang anak berumur 21 tahun yang masih belajar sepenuh masa. Adakah saya boleh memohon STR 2025 dengan meletakkan anak saya dalam maklumat Permohonan STR saya?

J: Anak berkenaan boleh didaftarkan di permohonan STR 2025 anda sebagai anak / tanggungan sekiranya menepati syarat kelayakan Anak.

Sekiranya anak berkenaan tidak menepati syarat kelayakan, anda boleh memohon STR di bawah kategori Bujang sebagai Ibu Bapa Tunggal tiada anak.

17. S: Saya berstatus bujang tetapi mempunyai anak angkat. Adakah saya layak untuk memohon sebagai isi rumah?

J: Tidak. Sekiranya anda berstatus bujang dan tidak pernah berkahwin, anda tidak layak untuk memohon kategori isi rumah. Namun, permohonan kategori Bujang boleh dibuat sekiranya memenuhi syarat kelayakan.

18. S: Sijil perkahwinan saya telah hilang, apakah dokumen sokongan yang boleh digunakan untuk pengesahan status perkahwinan?

J: Dokumen sokongan yang boleh digunakan sebagai pembuktian status perkahwinan:

- a. Kad nikah; atau
- b. Sijil Lahir Anak

19. S: Saya berkahwin di luar negara dan mempunyai sijil perkahwinan yang sah dari negara tersebut, adakah saya layak memohon STR kategori isi rumah dan apakah dokumen yang diperlukan?

J: Tidak. Anda tidak layak memohon di bawah kategori isi rumah kecuali anda telah mendaftarkan perkahwinan dengan Jabatan Agama Islam Negeri atau Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Namun sekiranya anda mempunyai anak, anda layak memohon STR dengan mengemukakan Sijil Lahir Anak yang berdaftar di JPN sebagai bukti perkahwinan.

20. S: Saya bukan warganegara Malaysia. Adakah saya layak memohon STR?

J: Tidak. Bantuan ini adalah untuk warganegara Malaysia yang menetap dan bekerja di Malaysia sahaja.

- 21. S: Saya merupakan warganegara Malaysia tetapi menetap di Singapura. Adakah saya layak memohon STR?**
- J: Tidak. Bantuan ini adalah untuk Warganegara Malaysia yang menetap dan bekerja di Malaysia sahaja.
- 22. S: Permohonan secara dalam talian memerlukan saya mengisi maklumat akaun bank. Jika saya tidak mempunyai maklumat akaun bank, bagaimanakah saya boleh menghantar Permohonan STR?**
- J: Anda boleh menghantar permohonan STR secara dalam talian dengan memilih Tiada Maklumat Akaun Bank. Walau bagaimanapun, anda disarankan untuk mengisi maklumat akaun bank anda bagi membolehkan pembayaran STR dibuat dengan mudah dan cepat tanpa perlu hadir ke kaunter BSN.
- 23. S: Permohonan secara dalam talian memerlukan saya mengisi maklumat alamat e-mel. Apakah kegunaan alamat e-mel berkenaan?**
- J: Anda perlu mendaftarkan alamat e-mel yang sah semasa permohonan STR kerana alamat e-mel berkenaan akan digunakan untuk tujuan berikut:
- Set semula akaun STR disebabkan terlupa soalan keselamatan semasa log masuk; dan
 - Penyampaian makluman STR
- 24. S: Saya telah menghantar permohonan STR 2025 secara dalam talian. Walau bagaimanapun saya menerima mesej peringatan memaklumkan saya perlu memuat naik dokumen sokongan atau menghantar ke Pejabat LHDNM. Bagaimanakah cara untuk saya kemukakan dokumen sokongan berkenaan ke Pejabat LHDNM?**
- J: Anda digalakkan untuk memuat naik dokumen sokongan yang diperlukan ke Portal Rasmi STR semasa permohonan.
- Sekiranya anda ingin menghantar ke Pejabat LHDNM, anda perlu mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan dengan mengisi Borang Serahan Dokumen Sokongan STR (BK-04) yang boleh diperolehi di Pejabat LHDNM atau dimuat turun dari Portal Rasmi STR.
- Pastikan anda mendapat keratan Akuan Penerimaan Serahan Dokumen Sokongan berkenaan sebagai rekod penyerahan. Penghantaran secara faks dan e-mel adalah tidak diterima.
- 25. S: Saya telah menghantar permohonan STR. Sekiranya ada perubahan maklumat, adakah saya masih boleh membuat kemas kini permohonan?**
- J: Ya. Kemas kini maklumat boleh dibuat sebelum permohonan anda diproses sepanjang tahun.
- 26. S: Saya telah menghantar Borang Permohonan STR ke Pejabat LHDNM. Adakah saya boleh mengemas kini semula permohonan secara dalam talian?**
- J: Tidak. Sebarang permohonan secara dalam talian boleh dikemukakan semula selepas kelulusan setiap fasa diperolehi.

27. **S:** **Saya telah membuat permohonan STR secara dalam talian dan juga telah berjaya memuat naik semua dokumen sokongan yang diperlukan di Sistem STR. Adakah saya masih perlu kemukakan semula dokumen sokongan berkenaan ke Pejabat LHDNM?**

J: Tidak. Sekiranya dokumen sokongan yang diperlukan telah berjaya dimuat naik di Sistem STR semasa permohonan secara dalam talian, anda tidak perlu kemukakan semula dokumen berkenaan ke Pejabat LHDNM.

28. **S:** **Sekiranya saya tidak mengisi nombor akaun bank semasa permohonan STR 2025, bagaimanakah pembayaran akan dilakukan?**

J: Sekiranya anda tidak melaporkan maklumat akaun bank, pembayaran adalah secara tunai di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan membawa MyKad. Anda digalakkan untuk mengisi nombor akaun bank bagi pembayaran STR, agar proses pembayaran dapat diterima dengan mudah dan cepat.

29. **S:** **Apakah jenis akaun bank yang perlu saya daftarkan ketika permohonan STR 2025?**

J: Anda perlu mendaftarkan akaun bank persendirian.

C. KEMAS KINI PERMOHONAN

30. **S:** **Saya adalah penerima STR 2024. Adakah saya perlu membuat kemas kini permohonan STR sekiranya tiada sebarang perubahan maklumat?**

J: Sekiranya permohonan anda wujud di portal STR, anda:

- a. **perlu mengemas kini permohonan** sekiranya mempunyai perubahan maklumat;
- b. **perlu mengemas kini permohonan** sekiranya tidak pernah dikemas kini dalam tempoh 3 tahun berturut-turut sepanjang pelaksanaan BKM 2022, STR 2023 dan 2024 untuk elakkan permohonan tidak dipertimbangkan;
- c. **tidak perlu kemas kini** permohonan sekiranya tiada sebarang perubahan maklumat;
- d. **tidak perlu kemas kini** permohonan bagi pemohon kategori Warga Emas dan Pedalaman sekiranya tiada perubahan maklumat.

Walau bagaimanapun sekiranya semakan permohonan anda tidak wujud di Portal STR, anda perlu membuat permohonan baharu.

31. **S:** **Sekiranya saya lulus STR 2024 dan tidak mengemas kini permohonan STR 2025 sepanjang tempoh permohonan dibuka, adakah saya layak menerima STR?**

J: Sekiranya anda tidak membuat kemas kini, permohonan STR anda akan diproses berdasarkan maklumat sedia ada Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2024.

- 32. S: Semasa permohonan STR 2024 sebelum ini, saya telah kemukakan semua dokumen sokongan yang diperlukan. Adakah saya perlu kemukakan semula semasa permohonan STR?**
- J: Sekiranya permohonan anda wujud di portal STR 2025 dan tiada perubahan maklumat, dokumen sokongan tidak perlu dikemukakan semasa mengemas kini permohonan STR.
- 33. S: Saya telah menerima pembayaran STR 2024 dengan status ibu / bapa tunggal dan mempunyai seorang anak. Adakah saya perlu untuk kemas kini maklumat anak berkenaan dan kemukakan dokumen sokongan?**
- J: Sekiranya permohonan wujud di portal STR 2025 dan tiada perubahan maklumat anak yang didaftarkan, anda tidak perlu kemas kini permohonan. Ini kerana pemprosesan bagi penentuan kelayakan anak akan dibuat melalui sistem.
- Walau bagaimanapun, sekiranya anda mempunyai tambahan anak yang lain, kemas kini dan serahan dokumen sokongan anak yang baharu perlu dibuat.
- 34. S: Saya berumur 65 tahun dan berstatus kahwin. Adakah saya perlu kemukakan sijil nikah bagi pengesahan status perkahwinan?**
- J: Bagi pemohon STR yang berumur 60 tahun dan ke atas (warga emas), dokumen sokongan adalah tidak diwajibkan semasa permohonan STR 2025.
- 35. S: Saya adalah penerima STR 2024 bagi kategori Isi Rumah dengan status Ibu Tunggal dan mempunyai seorang anak (OKU) yang berumur 18 tahun yang masih belajar sepenuh masa. Adakah saya masih boleh mengekalkan maklumat anak tersebut semasa membuat Kemas Kini Permohonan pada November 2024?**
- J: Anda masih boleh mengekalkan maklumat anak berkenaan sekiranya menepati syarat kelayakan anak.
- Sekiranya tidak menepati syarat kelayakan anak, anda boleh memohon di bawah kategori Bujang sebagai Ibu Bapa Tunggal (IBT) tiada anak.
- 36. S: Suami saya adalah penerima STR 2024 dan meninggal dunia. Adakah saya perlu membuat Permohonan Baharu STR?**
- J: Ya. Anda perlu membuat permohonan baharu STR 2025 dengan status perkahwinan yang terkini.
- 37. S: Saya berstatus bukan warganegara Malaysia dan STR 2024 diluluskan atas nama suami yang telah meninggal dunia. Adakah saya boleh membuat kemas kini permohonan STR 2025 atas nama suami saya?**
- J: Tidak. Permohonan atas nama individu yang telah meninggal dunia sebelum permohonan STR 2025 dibuka adalah tidak dibenarkan. Oleh itu, kemas kini ke atas permohonan suami tidak dibenarkan.

38. **S:** **Saya telah mengemas kini permohonan pada Oktober 2024. Adakah saya perlu mengemas kini permohonan pada setiap bulan bagi memastikan saya menerima setiap fasa pembayaran yang telah ditetapkan?**
- J: Bagi permohonan berstatus Lulus, anda tidak perlu mengemas kini permohonan sekiranya maklumat adalah sama. Anda akan menerima baki bayaran mengikut fasa pembayaran yang telah ditetapkan.
39. **S:** **Jika permohonan STR 2025 Lulus bagi kategori Isi Rumah dan pemohon / pasangan meninggal dunia, adakah pemohon / pasangan layak menerima bayaran bagi fasa seterusnya?**
- J: Ya. Sekiranya pemohon Lulus bagi kategori Isi Rumah dan meninggal dunia, pemohon / pasangan layak menerima bayaran bagi fasa seterusnya.
40. **S:** **Sekiranya pemohon meninggal dunia pada tahun 2024, adakah pasangan perlu membuat Permohonan Baharu STR 2025?**
- J: Ya. Pasangan perlu membuat Permohonan Baharu pada STR 2025.
41. **S:** **Jika permohonan STR 2024 Lulus bagi kategori Isi Rumah dan pemohon meninggal dunia, adakah pasangan boleh membuat permohonan baharu STR 2025 dengan status perkahwinan terkini?**
- J: Ya. Pasangan boleh membuat permohonan baharu STR dengan status perkahwinan terkini dan amaun bayaran bagi kategori terbaharu akan mengikut kelayakan fasa yang seterusnya. Rujuk Soalan Lazim (FAQ) Pembayaran STR 2025.

D. PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA (RAYUAN)

42. **S:** **Bilakah permohonan Semakan Semula boleh dilakukan?**
- J: Permohonan Semakan Semula boleh dilakukan sepanjang tahun setelah keputusan permohonan dipaparkan.
43. **S:** **Siapakah yang layak membuat Permohonan Rayuan STR 2025?**
- J: Pemohon yang layak membuat Permohonan Rayuan STR adalah:
- Pemohon yang berstatus Tidak Lulus STR 2025; atau
 - Pemohon yang berstatus Lulus STR 2025 dan terhad kepada rayuan bagi tambahan anak, perubahan status perkahwinan dan perubahan pendapatan sahaja.
44. **S:** **Bagaimanakah Permohonan Rayuan STR 2025 secara dalam talian boleh dilakukan?**
- J: Permohonan Rayuan STR secara dalam talian boleh dibuat dengan Log Masuk pada menu MySTR > **Permohonan Rayuan**. Log masuk MySTR memerlukan ID dan Kata Laluan yang telah didaftarkan sebelum ini. Sekiranya masih belum mendaftar MySTR, rujuk Soalan Lazim (FAQ) Pendaftaran MySTR bagi kaedah pendaftaran MySTR di Portal Rasmi STR , <https://bantuantunai.hasil.gov.my>

45. S: Adakah saya perlu memuat naik dokumen sokongan semasa membuat Permohonan Rayuan STR 2025?

J: Ya. Dokumen sokongan diperlukan bergantung kepada Alasan Tidak Lulus STR 2025. Rujuk Soalan 66 bagi senarai dokumen mengikut Alasan Tidak Lulus.

46. S: Saya telah membuat Permohonan Rayuan STR 2025 secara dalam talian tetapi terdapat kesilapan maklumat semasa mengisi permohonan rayuan. Adakah saya masih boleh membuat kemas kini rayuan secara dalam talian?

J: Kemas kini Permohonan Rayuan STR secara dalam talian boleh dibuat selagi permohonan rayuan masih belum diproses oleh pegawai LHDNM. Sekiranya Permohonan Rayuan STR telah diproses oleh pegawai LHDNM, kemas kini Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara manual di kaunter Pejabat LHDNM.

PENGESAHAN PENGENALAN

47. S: Saya Tidak Lulus kerana perlu pengesahan pengenalan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR 2025?

J: Dokumen pembuktian pengenalan adalah tidak diperlukan. Semakan pengenalan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

48. S: Saya Tidak Lulus kerana maklumat pengenalan Pasangan / Anak berbeza dengan data agensi melibatkan maklumat Nama / Pengenalan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR 2025?

J: Dokumen pembuktian pengenalan adalah tidak diperlukan bagi pengesahan pengenalan. Semakan pengenalan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

Walau bagaimanapun sekiranya maklumat Nama / Nombor Pengenalan Pasangan / Anak yang sebenar tidak sama pada maklumat Borang Permohonan STR 2025 dokumen pengenalan Pasangan / Anak seperti di bawah perlu dikemukakan bagi tujuan pengesahan.

a. Dokumen asal / salinan pengenalan Pasangan

- i. MyKad
- ii. MyPR

b. Dokumen asal / salinan pengenalan Pasangan

- i. MyKad / MyKid Anak; **dan**
- ii. Sijil Lahir Anak / Sijil Daftar Anak Angkat (bagi pengesahan hubungan pertalian)

PENGESAHAN PENDAPATAN

49. S: Permohonan STR 2025 saya Tidak Lulus kerana semakan rekod agensi mendapati pendapatan pemohon / pasangan melebihi RM5,000 (bagi kategori Isi Rumah) / pendapatan pemohon melebihi RM2,500 (bagi kategori Bujang). Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR?

J: Dokumen pembuktian pendapatan pemohon / pasangan adalah tidak diperlukan. Semakan pendapatan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

50. S: Saya Tidak Lulus kerana pendapatan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR 2025?

Bagi alasan Tidak Lulus semakan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan, pemohon perlu melaporkan maklumat pendapatan yang sebenar pada Borang Permohonan Rayuan STR 2025.

PENGESAHAN PEMILIKAN PERNIAGAAN

51. S: Adakah saya perlu mengemukakan dokumen maklumat perniagaan pemohon / pasangan agar Permohonan Rayuan STR 2025 saya dipertimbangkan?

J: Tidak. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

52. S: Saya merupakan Pemegang Saham tetapi syarikat berkenaan berstatus tidak aktif. Saya juga sudah tidak berhubung dengan Pengarah Syarikat berkenaan. Adakah saya layak untuk membuat Permohonan Rayuan STR 2025?

J: Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan. Semakan status terkini syarikat akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

53. S: Permohonan STR 2025 saya Tidak Lulus kerana memiliki perniagaan. Perniagaan saya dijalankan oleh anak saya. Apakah dokumen yang boleh dikemukakan semasa Permohonan Rayuan STR?

J: Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

PENGESAHAN PEMILIKAN KENDERAAN

54. S: Permohonan STR 2025 saya Tidak Lulus berkenaan status pemilikan kenderaan melebihi had kemampuan golongan berpendapatan rendah (B40). Sekiranya kenderaan tersebut diperolehi hasil daripada cabutan bertuah / hadiah daripada peraduan / majikan, adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan semasa tempoh Permohonan Rayuan STR?

J: Tidak. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

55. S: Permohonan STR 2025 saya Tidak Lulus disebabkan memiliki kenderaan melebihi kelayakan tetapi kenderaan tersebut telah hilang / dicuri dan laporan polis juga telah dibuat, adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan semasa tempoh Permohonan Rayuan STR?

J: Sebarang pengemukakan dokumen sokongan adalah tidak diperlukan. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

56. S: Saya Tidak Lulus disebabkan pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan golongan berpendapatan rendah (B40). Apakah kriteria bagi kenderaan tersebut?

J: Kriteria pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40) adalah seperti berikut:

- a. Memiliki kenderaan mewah dan tahun buatan kurang daripada 10 tahun;
- b. Memiliki kenderaan (tidak termasuk motosikal) melebihi 3 buah dan tahun buatan kurang daripada 15 tahun;
- c. Memiliki kenderaan (tidak termasuk motosikal) melebihi 5 buah kereta dan tidak mengambil kira tahun buatan;
- d. Memiliki kenderaan (tidak termasuk motosikal) yang berkapasiti enjin melebihi 2,000 cc dan tahun buatan kurang 10 tahun;
- e. Data pemilikan kenderaan (tidak termasuk motosikal) yang berkapasiti enjin melebihi 1,600 cc dan tahun buatan kurang daripada 5 tahun;
- f. Data pemilikan motosikal yang berkapasiti enjin melebihi 300 cc dan tahun buatan kurang 5 tahun;
- g. Data pemilikan motosikal melebihi 7 buah motosikal dan tahun buatan kurang 10 tahun;
- h. Data pemilikan kenderaan bagi bahan bakar hibrid berumur kurang 3 tahun;
- i. Data pemilikan kenderaan bagi bahan bakar elektrik dan tidak mengambil kira tahun buatan.

PENGESAHAN TRANSAKSI PEMILIKAN HARTA TANAH / PEMBELIAN SAHAM

57. S: Permohonan STR 2025 saya Tidak Lulus berkenaan status transaksi pemilikan harta tanah / pembelian saham melebihi had kemampuan golongan berpendapatan rendah (B40). Adakah saya perlu mengemukakan sebarang dokumen sokongan semasa tempoh rayuan STR dibuka?

J: Tidak. Semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat

secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan.

ALASAN LAIN TIDAK LULUS

58. S: Saya Tidak Lulus kerana tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang. Apakah kriteria bagi alasan Tidak Lulus tersebut?

J: Kriteria bagi permohonan Tidak Lulus kerana tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang adalah seperti berikut:

- a. Pemohon bujang berumur 20 tahun dan ke bawah atau pemohon bujang Orang Kurang Upaya (OKU) berumur 18 tahun dan ke bawah
- b. Tiada data di Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM) sebagai OKU bagi pemohon yang berumur 19 tahun - 20 tahun
- c. Pemohon wujud sebagai pelajar sepenuh masa

59. S: Permohonan STR saya Tidak Lulus kerana tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang. Adakah saya layak untuk membuat Permohonan Rayuan STR dan apakah dokumen pembuktian yang perlu saya kemukakan?

J: Anda boleh membuat Permohonan Rayuan STR sekiranya berumur 21 tahun dan ke atas atau 19 tahun dan ke atas bagi pemohon berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Semakan status Orang Kurang Upaya (OKU) akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); **atau** dokumen pembuktian yang boleh dikemukakan adalah seperti berikut:

- a. Salinan Kad Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pemohon yang berumur 19 tahun dan ke atas
- b. Dokumen pembuktian tamat belajar bagi tahun 2023 / 2024 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas; atau
- c. Dokumen pembuktian Belajar Separuh Masa bagi sesi 2023 / 2024 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas

60. S: Saya masih belajar sepenuh masa dan Permohonan STR saya adalah berstatus Tidak Lulus kerana tidak menepati syarat kelayakan bagi Kategori Bujang. Adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan STR?

J: Tidak. Walau bagaimanapun maklumat anda boleh didaftarkan sebagai anak di permohonan ibu bapa. Sekiranya anda merupakan pelajar bagi mod pengajian separuh masa, anda boleh membuat Permohonan Rayuan STR dengan mengemukakan dokumen pembuktian belajar separuh masa bagi sesi 2024 / 2025 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas.

61. S: Sekiranya Permohonan STR saya berstatus Tidak Lulus kerana Pemohon / Pasangan wujud di permohonan lain, adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan STR secara Dalam Talian?

J: Tidak. Permohonan Rayuan STR secara Dalam Talian tidak dibenarkan bagi alasan tidak lulus tersebut.

- 62. S: Saya Tidak Lulus kerana semakan rekod agensi mendapati pemohon / pasangan memiliki kediaman melebihi syarat kelayakan. Apakah kriteria pemilikan kediaman bagi kod alasan tersebut?**
- J: Kriteria pemilikan kediaman bagi Alasan Tidak Lulus pemohon / pasangan memiliki 3 atau lebih kediaman berdasarkan semakan akaun bil elektrik dengan agensi Kerajaan berkaitan.
- 63. S: Saya memiliki 3 kediaman berdasarkan akaun bil elektrik, 2 kediaman adalah milik saya dan selebihnya adalah rumah yang disewa oleh saya. Sekiranya ingin membuat Permohonan Rayuan STR dokumen pembuktian apakah yang perlu dikemukakan?**
- J: Dokumen pembuktian yang perlu dikemukakan oleh anda adalah perjanjian sewa rumah. Anda perlu mengemukakan dokumen pindah milik / penjualan rumah / cukai tanah / cukai pintu sekiranya berkenaan semasa membuat Permohonan Rayuan STR.
- 64. S: Saya memiliki kereta AUDI dan tahun buatan 2021. Adakah saya layak menerima STR 2025?**
- J: Tidak. Sekiranya pemohon memiliki kenderaan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40), Permohonan STR pemohon adalah berstatus Tidak Lulus. Rujuk soalan 55
- 65. S: Saya telah Lulus Permohonan STR dengan pendapatan Isi Rumah melebihi RM2,501, walau bagaimanapun pasangan saya telah berhenti kerja. Adakah saya boleh membuat Permohonan Rayuan Tambahan bagi perubahan pendapatan?**
- J: Ya. Anda dibenarkan untuk membuat Permohonan Rayuan Tambahan disebabkan berlaku perubahan pendapatan Isi Rumah. Dokumen pembuktian pendapatan pemohon / pasangan adalah tidak diperlukan. Semakan pendapatan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan (MOF). Permohonan Rayuan STR boleh dibuat secara dalam talian tanpa memuat naik atau mengemukakan sebarang dokumen sokongan. Rujuk FAQ Pembayaran STR 2024 bagi permohonan rayuan tambahan.
- 66. S: Saya telah lulus permohonan STR 2025 dan menerima bayaran Fasa 1 bagi kategori Bujang, walau bagaimanapun saya telah berkahwin pada Jun 2025. Adakah saya dibenarkan untuk mengemas kini status perkahwinan saya?**
- J: Ya. Anda dibenarkan untuk mengemas kini status perkahwinan mengikut status perkahwinan yang terkini dengan mengemukakan sijil perkahwinan sebagai dokumen sokongan.
- 67. S: Saya telah Lulus Permohonan STR 2025 tetapi maklumat anak saya adalah tidak layak kerana tidak melepasi syarat kelayakan umur lebih dari 19 tahun sebagai pelajar sepenuh masa sedangkan anak saya masih lagi belajar. Adakah saya masih boleh membuat Permohonan Rayuan Tambahan bagi mengekalkan maklumat anak tersebut?**
- J: Ya. Rayuan Tambahan STR boleh dilakukan dengan mengemukakan dokumen pembuktian belajar sepenuh masa anak bagi sesi 2024/2025.

68. S: Permohonan STR saya telah Lulus, walau bagaimanapun maklumat anak saya tidak layak kerana anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi. Adakah saya masih boleh membuat Permohonan Rayuan Tambahan bagi anak tersebut sekiranya beliau tidak lagi bekerja?

J: Ya. Rayuan Tambahan boleh dilakukan tanpa sebarang dokumen pembuktian, semakan akan dilakukan terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

69. S: Apakah Alasan Tidak Lulus STR dan Dokumen Sokongan yang diperlukan semasa membuat Permohonan Rayuan STR?

J: Permohonan STR dan dokumen sokongan yang diperlukan semasa membuat Permohonan Rayuan STR adalah seperti berikut:

ALASAN TIDAK LULUS	PENERANGAN / DOKUMEN SOKONGAN
ALASAN	Maklumat Pengenalan Pemohon berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan / Status Kewarganegaraan
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pengenalan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Maklumat Pengenalan Pasangan berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pengenalan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) atau c. Dokumen asal dan Salinan yang perlu dikemukakan ialah: i. MyKad ii. MyPR
ALASAN	Maklumat Pengenalan Anak berbeza dengan semakan data agensi melibatkan Nama / Nombor Pengenalan
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pengenalan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) atau c. Dokumen asal dan Salinan yang perlu dikemukakan ialah: d. MyKad / MyKid Anak; dan e. Sijil Lahir Anak / Sijil Daftar Anak Angkat (bagi pengesahan hubungan pertalian)
ALASAN	Hubungan Pertalian antara Anak dan Pemohon / Pasangan tidak sepadan dengan data agensi
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: a. MyKad / MyKid Anak; dan b. Sijil Lahir Anak / Sijil Daftar Anak Angkat (bagi pengesahan hubungan pertalian)
ALASAN	Maklumat Pengenalan Pasangan perlu pengesahan
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan Salinan yang perlu dikemukakan ialah: a. Dokumen Pengenalan Pasangan; atau b. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR); atau

	c. Sijil Perkahwinan (sekiranya pemohon tidak mempunyai anak)
ALASAN	Pemohon tidak melepasi syarat kelayakan bagi Kategori Bujang
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Semakan status Orang Kurang Upaya (OKU) akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); atau b. Dokumen asal dan salinan yang boleh dikemukakan ialah: i. Kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi pemohon berumur 19 tahun dan ke atas; atau ii. Dokumen pembuktian tamat belajar bagi tahun 2024 / 2025 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas; atau iii. Dokumen pembuktian belajar separuh masa bagi sesi 2024 / 2025 bagi pemohon berumur 21 tahun dan ke atas.
ALASAN	Semakan agensi mendapati anak tidak melepasi syarat kelayakan bagi umur lebih dari 19 tahun sebagai Pelajar Sepenuh Masa
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: a. Dokumen pembuktian belajar sepenuh masa anak bagi sesi 2023 / 2024; dan b. Kad Pelajar anak sesi 2024 / 2025
ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM5,000
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM5,000 termasuk pendapatan sewa
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM2,500
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM2,500 termasuk pendapatan sewa
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) c. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan
ALASAN	Anak mempunyai pendapatan berdasarkan semakan agensi termasuk pendapatan sewa

TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) c. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan
ALASAN	Pemohon / Pasangan memiliki 3 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian (kategori Isi Rumah / Warga Emas Tiada Pasangan)
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat perniagaan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Pemohon berdaftar sebagai Pemegang Saham
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pemegang Saham b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Pemohon berdaftar sebagai Pengarah Syarikat
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pengarah Syarikat b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Pemohon berdaftar sebagai Perkongsian Liabiliti Terhad
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Perkongsian Liabiliti Terhad b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Pasangan berdaftar sebagai Pemegang Saham
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pemegang Saham b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Pasangan berdaftar sebagai Pengarah Syarikat
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Pengarah Syarikat b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Pasangan berdaftar sebagai Perkongsian Liabiliti Terhad
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat Perkongsian Liabiliti Terhad b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Pemohon memiliki 2 atau lebih Perniagaan Milikan Tunggal / Perkongsian (kategori Bujang)
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat perniagaan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pemilikan kenderaan Pemohon / Pasangan melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40).

TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pemilikan kenderaan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati pemilikan kenderaan Anak melebihi had kemampuan bagi golongan berpendapatan rendah (B40)
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian maklumat pemilikan kenderaan b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) c. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan - Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan
ALASAN	Pemohon / Pasangan mempunyai Transaksi Pemilikan Hartanah yang melebihi RM300,000
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian Transaksi Pemilikan Hartanah b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Pemohon / Pasangan mempunyai Transaksi Pembelian Saham
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian Transaksi Pembelian Saham b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Pemohon tidak menetap di Malaysia / bekerja / belajar di Luar Negara berdasarkan rekod agensi
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian menetap di Malaysia b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Permohonan dari Luar Negara secara dalam talian
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Pemohon sendiri perlu hadir ke LHDNM bersama-sama borang Permohonan Rayuan STR 2025; dan b. Salinan MyKad Pemohon
ALASAN	Pemohon wujud sebagai Pasangan di permohonan lain
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: a. Status Kahwin i. MyKad Pemohon; dan ii. Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atau iii. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR) b. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda i. Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)

ALASAN	Pasangan wujud sebagai Pemohon di permohonan lain
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: a. Status Kahwin i. MyKad Pasangan; dan ii. Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atau iii. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR) b. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda i. Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan)
ALASAN	Pasangan wujud sebagai Pasangan di permohonan lain
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: a. Status Kahwin i. Dokumen Pengenalan Pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS / Sijil Lahir / Pasport / UNCHR (Pas Sempadan); dan ii. Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atau iii. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR) b. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda i. Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)
ALASAN	Pemohon berstatus Kahwin tetapi tiada maklumat Pasangan
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah: a. Status Kahwin i. MyKad Pemohon; dan ii. Dokumen Pengenalan Pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS / Sijil Lahir / Pasport / UNCHR / (Pas Sempadan); dan iii. Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atau

	<p>iv. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR)</p> <p>b. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <p>i. Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan</p> <p>ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)</p>
ALASAN	Status Perkahwinan perlu pengesahan
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>a. Status Kahwin</p> <p>i. MyKad Pemohon; dan</p> <p>ii. Dokumen Pengenalan Pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS / Sijil Lahir / Pasport / UNCHR / (Pas Sempadan); dan</p> <p>iii. Sijil / Surat Pengesahan Perkahwinan (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat Residen Sarawak / JAKOA / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); atau</p> <p>iv. Sijil Lahir Anak (walaupun anak tidak didaftarkan dalam permohonan STR)</p>
ALASAN	Tarikh Kematian Pasangan memerlukan Salinan Sijil Kematian Pasangan
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>a. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <p>i. Sijil Kematian Pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; dan</p> <p>ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat anak dalam permohonan); atau</p> <p>iii. Sijil Perkahwinan (Pembuktian maklumat pasangan yang meninggal dunia)</p>
ALASAN	Anak meninggal dunia
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>a. Tidak perlu sebarang dokumen pembuktian</p> <p>b. Anak berkenaan tidak layak dipertimbangkan</p> <p>c. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan</p>
ALASAN	Anak tidak menepati syarat kelayakan
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>a. Tidak perlu sebarang dokumen pembuktian</p> <p>b. Anak berkenaan tidak layak dipertimbangkan</p> <p>c. Pemohon dibenarkan membuat Rayuan Tambahan – Maklumat Anak lain yang menepati syarat kelayakan / Perubahan Pendapatan</p>
ALASAN	Tarikh Perceraian memerlukan Salinan Sijil Perceraian yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	<p>Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah:</p> <p>a. Status Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda</p> <p>i. Sijil / Surat Pengesahan Perceraian (Jabatan Agama Islam / Jabatan Pendaftaran Negara / Majlis Anak Negeri Sabah / Pejabat Daerah Sarawak / Pejabat</p>

	Residen Sarawak / JAKOA / Tuai Rumah / Ketua Peribumi @ Ketua Kaum selain Kaum Iban); dan ii. Sijil Lahir Anak (Jika melaporkan maklumat Anak dalam permohonan STR)
ALASAN	Pasangan meninggal dunia
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang dokumen pembuktian kematian pasangan meninggal dunia b. Semakan akan dilakukan secara terus dengan agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
ALASAN	Semakan pendapatan yang dilaporkan pada borang melebihi kelayakan pendapatan yang telah ditetapkan
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	a. Tidak perlu sebarang pembuktian pendapatan b. Pemohon perlu melaporkan maklumat pendapatan pada Borang Permohonan Rayuan STR
ALASAN	Semakan rekod agensi mendapati had kemampuan pemohon / pasangan memiliki kediaman melebihi syarat kelayakan
TINDAKAN / DOKUMEN SOKONGAN	Dokumen asal dan salinan yang perlu dikemukakan ialah : a. Dokumen Pindah Milik / Penjualan Rumah / Cukai Tanah / Cukai Pintu b. Perjanjian sewa rumah bagi perayu yang menyewa

E. LAIN - LAIN

70. S: Bagaimanakah cara untuk saya menyemak status permohonan, mendapatkan maklumat terkini, membuat pertanyaan atau aduan berkaitan STR?

- J: Anda boleh menyemak status permohonan, mendapatkan maklumat terkini, membuat pertanyaan atau aduan berkaitan STR melalui saluran berikut:
- Portal Rasmi STR, <https://bantuantunai.hasil.gov.my>; atau
 - Hubungi Hotline BKK: 1-800-88-2747 (Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau
 - Hubungi Hotline MOF: 03-8882 4565 / 4566 (Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau
 - Hubungi Talian Pejabat LHDNM (Rujuk Portal Rasmi STR); atau
 - Hadir sendiri ke Pejabat LHDNM / PS / UTC.

71. S: Jika seseorang memberi maklumat palsu, apakah tindakan yang akan dikenakan?

- J: Seseorang boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tiga (3) tahun dan denda serta disenarai hitam oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari menerima STR.

72. S: Maklumat saya telah digunakan oleh individu lain bagi tujuan permohonan STR 2025. Apakah yang perlu saya lakukan?

- J: Anda perlu membuat laporan polis dan kemukakan bersama salinan pengenalan (Pasangan / Anak), sijil perkahwinan / Sijil Kematian / Sijil Perceraian (jika berkaitan) ke Pejabat LHDNM untuk tindakan selanjutnya.